

JAWATAN KOSONG

LEMBAGA PELABUHAN KELANG mempelawa calon-calon warganegara Malaysia yang berdedikasi, bermotivasi tinggi, bertanggungjawab terhadap tugas dan berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut :

PENOLONG JURUUKUR (TETAP)

BIL.	JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KUMPULAN	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
1.	PENOLONG JURUUKUR	JA29	Kejuruteraan	Pelaksana	RM1,549.00	RM5,701.00	RM145.00

A. SYARAT LANTIKAN

Mempunyai kelayakan seperti berikut:

- (a) (i) Sijil dalam bidang ukur tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,549.00); atau
- (ii) Diploma dalam bidang ukur tanah atau geomatik yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,935.02);

DAN (b) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

B. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan kerja pengukuran kedalam alur pelayaran, pembelian/penyelenggaraan peralatan ukur dan bot serta kerja-kerja ukur tanah di Pelabuhan Klang.

C. UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN

Calon-calon lantikan tetap hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

D. CARA MEMOHON

Borang permohonan jawatan kosong boleh diperolehi dari Jabatan Sumber Manusia, Lembaga Pelabuhan Kelang atau dimuat turun melalui laman web LPK di www.pka.gov.my. Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan Diploma/Sijil, Sijil-Sijil Persekolahan, Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran dan lain-lain kelayakan yang berkaitan. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada :

**Pengurus Besar,
Lembaga Pelabuhan Kelang,
Beg Berkunci 202, Jalan Pelabuhan Utara,
42005 Pelabuhan Klang, Selangor
[u.p: Pengurus Kanan (Sumber Manusia)]**

Permohonan daripada pegawai/kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun hendaklah dimajukan melalui Ketua Jabatan masing-masing berserta dengan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan terkini, Penyata Perkhidmatan dan Penyata Cuti yang dikemaskini.

Sila catitkan nama jawatan yang dipohon di tepi atas kiri sampul surat permohonan. Hanya calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN IALAH PADA 28 FEBRUARI 2022.